

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 15 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 09

Henti polemik isu lambakan rumah mewah

KUALA TERENGGANU

Semua pihak diharap tidak lagi mempolemikan isu lambakan rumah mewah yang masih tidak terjual di negara ini kerana ia akan dipromosikan kepada pihak luar mengikut prosedur dan syarat di bawah Program Malaysia Rumah Kedua (MM2H).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah berkata, MM2H bukanlah satu program yang baru diperkenalkan kerana ia telah wujud sejak tahun 2002.

"Ini hanyalah kekeliruan: Lambakan rumah mewah ini bukanlah melalui kempen Pemilikan Rumah (HOC) sebaliknya melalui MM2H. Rakyat tidak perlu bimbang mengenainya



RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH

kerana MM2H sama sekali tidak akan menjejaskan pemilikan rumah untuk mereka.

"KPKT masih dengan fokus utama untuk penyediaan rumah kepada rakyat Malaysia agar ia mampu milik. Itu komitmen kita," katanya selepas merasmikan program Merdeka @ Komuniti bersama masyarakat Tionghua Terengganu di Kampung

Cina di sini malam kelmarin.

Pada Khamis lalu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin dalam satu kenyataan menjelaskan jualan rumah mewah berharga lebih RM1 juta itu akan dilaksanakan melalui kempen MM2H dan bukannya melalui HOC.

Beliau juga menjelaskan program MM2H adalah terbuka kepada semua warganegara asing manakala China serta Hong Kong dijadikan sebagai contoh memandangkan harga purata hartanah di situ adalah tinggi.

Berikutan penjelasan itu, Raja Bahrin berharap rakyat tidak akan mudah terpengaruh dengan dakwah pembangkang yang hanya mahu mengambil kesempatan di atas kekeliruan itu. - *Bername*